# Labour bulletin

## Sambutan International Women's Day

24th March 2012, Dewan Serbaguna NUTE Bangsar

**Mesyuarat Khas Majlis Am MTUC**, 17 March 2012, 10.30 pagi

- Apa itu Skim Persaraan 1 Malaysia
- Singapore: Domestic Workers to Get Weekly Day of Rest
- Picket by Nube

## Pindaan Akta Kerja dan Gaji minima

Menteri Sumber Manusia dalam Mesyuarat Penasihat Buruh Kebangsaan(NLAC) pada 6hb March 2012 telah mengumumkan bahawa ***contractor for labour*** yang menjadi pertikaian sengit semenjak pindaan terhadap Akta Kerja 1955 diumumkan hanya dikuatkuasa untuk dua sektor sahaja iaitu sektor perladangan dan pertanian memandangkan ia adalah permintaan khas dari Kesatuan Kebangsaan Pekerja Perladangan.


BERITA HARIAN Rabu 7 Mac 2012 NASIONAL 11

**Dua sektor guna pakai pindaan akta kerja**

Menteri Sumber Manusia ada kuasa beri pengecualian

Kita juga bersetuju untuk menyediakan satu garis panduan asas bagi pembayaran bayaran gaji asas dan ganjaran lain berasaskan produktiviti serta prestasi pekerja sektor perladangan — S Subramaniam, Menteri Sumber Manusia

**Gaji minima**- isu gaji minima atau bayaran gaji asas, mengikut Dato Subra satu garis panduan asas akan disediakan supaya memudahkan pekerja dan majikan melakukan pembayaran mengikut panduan tersebut. MTUC menjangkakan gaji minima akan ditetapkan pada kadar RM800 hingga RM1000 walaupun nilainya belum disahkan dalam mesyuarat majlis tersebut.


TUESDAY, MARCH 7, 2012 — NEW STRAITS TIMES — PRIME NEWS

**'It only involves basic salary'**

MINIMUM WAGE: Employers and employees to discuss additional benefits

SEAN AUGUSTIN AND ZURINNA RAJA ADAM, PUTRAJAYA

***Umur Persaraan***- MTUC menerima cadangan Kementerian untuk meningkatkan umur persaraan bagi sektor swasta dan mengharapkan ia akan menjadi realiti secepat mungkin. MTUC akan memperjelaskan perkara ini kepada ahli-ahlinya.

*Abdul Halim bin Mansor*
*Setiausaha Agung*









# Minimum wage set, RM100 difference between east, west Malaysia,

The Cabinet has agreed to set a minimum wage of below RM1,000 for the 3.2 million workers in the private sector, with a RM100 difference between states in the Malay peninsula and Sabah and Sarawak, sources say.

There will be a minimum wage below RM1,000 as the minister has said before and the Cabinet has approved it," said a source, referring to Human Resources Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam who said two weeks ago that the Cabinet will decide soon.

The government itself has revamped the civil service pay since January 1 but it has run into problems after government workers umbrella union group Cuepacs complained the pay hike was uneven with some 2,000 senior officers getting a huge rise while the 1.3 million others received paltry increments. Prime Minister Datuk Seri Najib Razak has ordered a review which has to be ready by April 16.
Private and government sector unions have been asking for minimum pay for years but employers say it will not be constructive in the local market especially with competition from regional economies that use cheap labour. But Najib's target of a high-income nation by 2020 has prompted the government to review pay scales for all sectors.

"If we keep the wage between RM800 and RM1,000, it will not have any negative impact on drawing investments, but if it goes above RM1,000, then it may cause a negative impact on the economy," he said then, adding a median wage policy would be established in stages, with a grace period given to employers to restructure their wage schemes once the new minimum wage was implemented.
He added that this would be reviewed once every two years, reminding employers that they risked a maximum RM10,000 fine per worker if they failed to comply with the policy.

"The reason for this policy is because over the past 10 years, there had been an increase of only 2.6 per cent per year, and we were lagging behind other countries that have set a minimum wage standard.
"We are now looking at streamlining the rate of our wages while bridging the gap of those who are living below the poverty line," Dr Subramaniam said.
(*Source: Insider, March 3,2012. Jahabar Sadiq)*

## Simpanan Hari Tua-Taklimat Skim KWSP dan Simpanan Persaraan 1Malaysia(SP1M)

KWSP telah mengadakan taklimat kepada orang ramai dan MTUC mengenai simpanan Persaraan 1 Malaysia pada 28 Februari 2012. Antara objektif utama program ini ialah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman di kalangan. Masyarakat amnya serta ahli KWSP dan majikan khususnya mengenai cabaran dan perubahan berkaitan sistem persaraan, kepentingan simpanan persaraan, keperluan merancang persaraan dan implikasi sekiranya simpanan tidak mencukupi untuk membiayai hari tua.

Taklimat telah memberi focus kepada reformasi Pencen, penambahbaikan skim KWSP dan SPIM serta asas Perancangan Persaraan.

**Apakah skim Simpanan Persaraan 1 Malaysia?**
Skim ini bagi golongan pekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap, termasuk pemandu teksi, surirumah, penjaja, petani dan nelayan apabila mencapai umur persaraan.

- Diuruskan oleh KWSP
- Melalui skim ini mereka boleh mencarum secara sukarela mengikut kemampuan.
- Manfaat-Dividen minimum 2.5%
- Manfaat Bantuan Hilang Upaya RM2,500
- Pelepasan cukai sehingga RM6000 setahun
- Caruman kerajaan 5%setahun –maksimum RM60

*Wakil MTUC yang hadir: Sdr. Mohd Khir bin Mansor, Sdr.Mohd Faizal dan Sdri. R.Rajeswari*

# Mesyuarat MTUC dan KWSP



MTUC yang diketuai oleh Presiden, Sdra. Mohd Khalid Atan dan Setiausaha Agung, Sdra Abdul Halim Mansor telah menghadiri Mesyuarat MTUC dan KWSP yang diadakan di Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut. Kuala Lumpur pada 16hb Februari 2012.

Mesyuarat telah dimaklumkan dan diperjelaskan tentang beberapa persoalan berkaitan Prestasi Operasi dan Prestasi Pelaburan KWSP 2011. Turut diperjelaskan ialah isu pinjaman perumahan Program Perumahan Rakyat (DBKL) yang dilaporkan oleh media sebagai berjumlah RM1.5 billion dari tabung KWSP seperti yang diumumkan oleh **YM Dato' Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.** Dalam penjelasannya Ketua Pegawai Eksekutif KWSP - Tan Sri Azlan Zainol memperincikan beberapa perkara iaitu :-

- KWSP tidak pernah memberikan pinjaman kepada mana-mana individu. KWSP membuat keputusan untuk sesuatu pelaburan berdasarkan keputusan Lembaga Pengarah (Pelaburan).
- KWSP masih diperingkat perbincangan, belum dimuktamadkan, masih belum diluluskan dan perjanjian belum dimeterai;
- Pinjaman adalah terus kepada kerajaan melalui agensinya (DBKL) dan bukan peminjam;
- Sebuah institusi kewangan akan diminta menguruskan pentadbiran kredit;
- Hanya RM300 juta diperuntukkan dan bukan RM1.5 bilion seperti yang dinyatakan oleh Menteri tersebut.
- Cadangan kadar faedah yang akan dikenakan adalah 5.5% kepada DBKL atau agensinya.



Jika berlaku kegagalan bayar balik maka ianya adalah urusan diantara peminjam dan DBKL. DBKL atau agensinya bertanggungjawab atas pinjaman yang dibuat dan pihak KWSP tidak ada kaitan dengan pembeli rumah tersebut. Mesyuarat juga dimaklumkan pengumuman yang dibuat oleh Menteri berkenaan adalah tidak tepat serta mengelirukan pelbagai pihak termasuk kaum pekerja. Beberapa pemimpin MTUC termasuk Sdra Jaafar Majid, Sdra Awang Ibrahim, Sdra A.Balasubramaniam, Sdra Robert Vijendran, Sdra Mohd Roszeli Majid, Sdra Mohd Khir Mansor dan Sdra Mohd Faisal Abu Bakar turut hadir ke mesyuarat tersebut. *Dilaporkan oleh: Mohd Roszeli Majid, Naib Presiden*

## " A VICTORY FOR THE UNIONS "...a precedent case... AT HIGH COURT KL – Judicial Review AIROD Executive UNION

On 5th July 2010 the Minister of Human Resource under Sek 8(2A) had referred the case of AIROD Executive Union **"...mengenai dakwaan bahawa majikan telah membuat tindakan-tindakan bagi membasmi gerakan kesatuan : kenaikan pangkat presiden kesatuan ke Jawatan Pengurusan ...".**

On 24th August 2011; the President of Industrial Court had upheld the preliminary objection( at the commencement of hearing on 22 August 2011 ) by AIROD's counsel since the subject matter of the trade dispute which was the promotion of Shatiri Mansor (Union's President) is no longer a live issue as he has been dismissed on 8 August 2011. The subject matter of the trade dispute no longer subsists. The matter has become academic.'

The Union's Counsel submitted that Shatiri Mansor was still the President as DGTU had not certified that he was no longer the President of the Union pursuant to Section 28(2) Trade Union Act 1959.

The matter had been discussed elaborately during MTUC's General Council and Executive Council meetings.

On 8th November 2011, the Union's through its Counsel ( Messrs P. Kuppusamay & Co.) had applied for Judicial Review at High Court KL On 28th February 2012, the High Court had granted the Union's application.

# MTUC hilang kepercayaan terhadap KSM

MTUC hari ini 28hb Februari 2012 telah mengadakan sidang akhbar di ibu pejabat MTUC bagi meluahkan rasa hilang keyakinan terhadap Menteri Sumber Manusia Dato Dr S.Subramaniam.
MTUC berasa amat terkilan dengan sikap Menteri yang gagal memberi perhatian serius terhadap bahayanya pindaan Akta Kerja 1955 walaupun telah dimaklumkan oleh MTUC dalam beberapa mesyuarat bersama pegawai-pegawai dan juga dengan Menteri sendiri.




Mengikut Presiden MTUC Khalid Atan, ahli majlis Jawatankuasa Eksekutif MTUC yang bersidang pada 17hb Februari telah memutuskan dan membuat ketetapan hilang keyakinan terhadap Dato Subramanian selaku Menteri Sumber Manusia. Mengikutnya juga pindaan akta kerja terutama berkaitan '***contractor for labour'*** yang mengikut pandangan MTUC akan menamatkan penjawatan pekerjaan secara tetap (permanent employment) kepada informal di Negara ini. Di samping itu akan memutuskan hubungan terus antara majikan dengan pekerja. Lantas operasi syarikat dijalankan melalui sistem orang tengah atau perantaraan. Malah tiada jaminan keselamatan pekerjaan akan wujud dengan pindaan ini.

Antara perkara-perkara lain yang menjadi pertikaian kepada MTUC ialah:

- Pertikaian "National Union of Bank Employees"(NUBE) dengan membenarkan pendaftaran Kesatuan dalaman **Maybank Non Executive Employees Union;**
- Pemecatan Naib Presiden dan Bendahari NUBE oleh Maybank (Union Busting);
- FTA di antara Malaysia dan Kesatuan Eropah dan Amerika;
- Penggunaan Wang Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP) dalam skim bantuan.




Disamping itu MTUC hari ini telah memutuskan akan menutup atau memindahkan segala wang yang dilabur dalam Maybank kedalam bank yang lebih memberi keutamaan dan menjaga kebajikan kaum pekerja dan kesatuan kerana sikap Maybank yang penubuhan kesatuan dalaman yang telah dipersetujui oleh Kementerian Sumber Manusia amat mengecewakan MTUC.

Oleh yang demikian MTUC menyeru agar Perdana Menteri Dato' Seri Najib sendiri untuk campurtangan dalam menangani segala permasalahan kaum perkerja yang menjadi tunggak kepada pembangunan negara. Mengikut Presiden MTUC, satu surat permohonan telah pun dihantar ke pejabat MTUC dan perakuan penerimaan telah disahkan oleh pejabat Perdana Menteri  pada 27hb Februari 2012.

# Kursus dan Aktiviti MTUC

Kursus kepimpinan dan penubuhan(Organisisng) pekerja anjuran MTUC/ ACILS telah berlangsung selama 5 hari di Subang Jaya MTUC pada 13-17 Febuari 2012. Seramai 25 peserta dari pelbagai industri telah mengambil bahagian dalam kursus ini. Lima peserta wanita telah menyertai kursus ini. Galakan dan sokongan dari peserta wanita amat dialu-alukan kerana pasaran tenaga buruh pada masa kini diwakili oleh 45% sumber tenaga kerja wanita. Pendedahan terhadap hak wanita di tempat kerja dari ditindas amat perlu diketahui oleh setiap wanita ditempat kerja.



Antara penekanan terhadap topic yang diberikan ialah Akta kerja, Akta kesatuan sekerja, sikap kepimpinan, serta strategi menghadapi era globalisasi. Di samping keutamaan juga diberikan kepada penubuhan serta penambahan kepada keahlian kesatuan. Bagaimana untuk menarik lebih ahli menyertai kesatuan, kerana keutuhan dan kekuatan sesebuah kesatuan adalah terletak pada keahlian yang kuat dan teguh.

## FTA- Roundtable discussion with NGOOs, on the Impact of the Free Agreement(FTA) and Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) to Human Rights in Malaysia

SUHAKAM had a discussion session with on the impact of the FTA and TPPA on the 22nd April 2012.



Each of the NGOs given opportunities to present their views, concerns and recommendation on FTA. Those areas are the impact of FTA on labour in Malaysia by MTUC president Mohd Khalid Atan, The Impact of FTA's on Access to affordable Medicines by MTAAG, the Impact of FTA on Intellectual property and access to knowledge and education by Third World Network (TWN) and the Tobacco Control efforts by Malaysian Council for Tobacco Control, Investment Chapter by YB Charles Santiago and final part on Human Rights Impact Assessment of FTA by TWN.



# Piket NUBE: Sokongan Teguh Ahli

NUBE terpaksa meneruskan usaha Piket apabila tidak dapat berkompromi dengan Maybank dan tindakan-tindakan Maybank bercanggah dengan hak kesatuan dan pekerja. Piket yang telah dirancang oleh NUBE telah diteruskan walaupun hujan lebat. Semangat dan kekecewaan yang terpahat terhadap tindakan tidak adil Maybank terus dilaung-laungkan oleh ahli-ahli berpiket di menara Maybank Bangsar semalam(15hb Februari) pada pukul 3.00 petang hingga ke pukul 6.00 petang. Kata-kata seperti *"Maybank enzalimi pekerja",Maybank Majikan Zalim, "Erosian Workers Rights in Malaysia", "Indonesian Banking Unions Conderms Maybank Tyranny*' dan sebagainya terus ditayankan melalui sepanduk dan banner-banner.

Ahli-ahli NUBE telah berkumpul dipejabat NUBE seawal pukul 10.00pagi untuk menerima taklimat mengenai hak pekerja dan kesatuan serta kesan FTA(Perjanjian Perdagangan Bebas) kepada pekerja-pekerja. Di samping membuat persembahan dikir barat yang membawa maksud bantahan mereka terhadap tindakan Maybank. Selepas itu pada pukul 2.00 petang ahli- ahli NUBE telah ke pejabat MACC untuk menyerahkan surat bantahan terhadap Maybank dan juga Kementerian Sumber Manusia. Sekembali dari MACC lebih kurang 500 ahli telah berkumpul di NUBE dan berarak ke Dataran Maybank di Bangsar. Walaupun hujan lebat namun ia tidak langsung mematahkan semangat mereka untuk berpiket meluahkan perasaaan hati mereka. Apatah lagi pihak pengurusan Maybank di Menara Maybank Bangsar cuba penghalang dan menghalau kehadiran wartawan dengan kamera.

**Tujuan utama tindakan pertikaian ini ialah**:

NUBE membantah tindakan pemecatan yang dilakukan terhadap dua pegawai NUBE, Naib President, Abdul Jamil Jalaludeen dan bendahari kehormat Chen KA Fatt pada 31hb Januari 2012 kerana menyertai mogok serta memegang sepanduk di ILO Geneva, NUBE memohon mereka ini diambil kerja semula;

Meminta Maybank menghentikan sebarang tindakan memangsakan kesatuan/ *union busting* aktiviti termasuk memotong gaji pegawai kesatuan kerana mereka melakukan aktiviti kesatuan dan berkerjasama dengan NUBE untuk menyelesaikan pertikaian pekerja.

Mengesa Menteri Sumber Manusia untuk membatalkan pendaftaran kesatuan dalaman Maybank yang dibiayai oleh Maybank yang sememangnya bertentangan dengan Artikel 6 Perjanjian Bersama antara Maybank dan NUBE.

Mengikut NUBE walaupun isu-isu ini telah dimaklumkan kepada pihak berkuasa namun percanggahan pendapat yang ditunjukkan oleh pelbagai Jabatan kerajaan hanya memperlihatkan ketidaksungguhan mereka untuk menyelesaikan pertikaian ini. Bagi menjaga kebajikan dan keutuhan kesatuan maka NUBE telah memutuskan untuk meneruskan tindakan ini dengan membuat laporan kepada MACC, mendesak agar pelanggaran hak pekerja dan hak kesatuan oleh Maybank ini disiasat di samping kelemahan Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Perhubungan Perusahaan, Jabatan Kesatuan Sekerja dan SUHAKAM disiasat.

NUBE juga mengharapkan agar perkara ini akan dibawa kepada perhatian Perdana Menteri dan orang awan, yang Maybank telah melakukan pelbagai pelanggaran hak pekerja termasuk undang-undang Antarabangsa (ILO)-Konvensyen 1998, Perlembagaan Persekutuan, Deklarasi Hak Kemanusiaan Antarabangsa(The Universal Declaration of Human Rights), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959.

Ahli-ahli NUBE berpiket dalam hujan lebat itu memakai topi daun mengkuang, disamping melilit reben hitam di dahi yang tertera "*We fight injustice*" dan memegang serta melayangkan belon yang berbunyi "Maybank Zalimi Pekerja". Piket ini juga telah disertai oleh ahli-ahli wanita NUBE dengan penuh semangat.



# Pertikaian & Cabaran

## NUBE: Piket Berterusan

2hb March 2012, Piket Nube berterusan bersama-sama ahli-ahlinya di perkarangan Maybank berhampiran Jalan Pudu Kuala Lumpur tepat pukul 5.00 petang. Piket ini adalah susulan dari Piket ynag telah diadakan bulan lepas di Menara Maybank Bangsar selepas penyerahan laporan ke MACC.

Walaupun hujan lebat namun ia tidak mematahkan semangat ahli-ahli NUBE seramai 200 orang untuk terus melaungkan seruan mereka bagi menuntut keadilan terhadap pertikaian yang tidak mendapat jawapan penyelesaian dari Kementerian Sumber Manusia dan Perdana Menteri serta Maybank.

Mengikut A.Karuna, Setiausaha NUBE, Cawangan Kuala Lumpur, Selangor dan Pahang tindakan ini akan diteruskan selagi pihak berkuasa tidak campurtangan serta membuka ruang penyelesaian kepada NUBE. Tujuan utama tindakan pertikaian ini ialah:




- NUBE membantah tindakan pemecatan yang dilakukan terhadap dua pegawai NUBE, Naib President, Abdul Jamil Jalaludeen dan bendahari kehormat Chen Ka Fatt pada 31hb Januari 2012 kerana menyertai mogok serta memegang sepanduk di ILO Geneva, NUBE memohon mereka ini diambil kerja semula;
- Meminta Maybank menghentikan sebarang tindakan memangsakan kesatuan/*union busting* aktiviti termasuk memotong gaji pegawai kesatuan kerana mereka melakukan aktiviti kesatuan dan berkerjasama dengan NUBE untuk menyelesaikan pertikaian pekerja.
- Mengesa Menteri Sumber Manusia untuk membatalkan pendaftaran kesatuan dalaman Maybank yang dibiayai oleh Maybank yang sememangnya bertentangan dengan Artikel 6 Perjanjian Bersama antara Maybank dan NUBE.




NUBE juga telah merancang aktiviti seterusnya bagi memberi kesedaran kepada pihak Maybank bahawa ahli-ahli NUBE amat serius dalam memperjuangkan hak pekerja-pekerja Maybank. Mengikut A.Karuna antara aktivitinya ialah road show akan diadakan di seluruh cawangan Maybank, menutup semua akaun di Maybank(oleh ahli-ahli) dan perarakan yang berterusan di perkarangan Maybank.






*Piket terus dijalankan walaupun hujan lebat dikedua-dua lokasi, Menara Maybank Bangsar dan Dataran Maybank Pudu*

# International News

## Singapore: Domestic Workers to Get Weekly Day of Rest

***Further Labor Reforms Needed to Stop Abuses, Meet Global Standards***

(New York, March 6, 2012) – The decision by Singapore's Manpower Ministry to grant foreign domestic workers a weekly rest day is an important reform but falls short of international standards, according to Human Rights Watch. The changes, announced on March 5, 2012, go into effect only for new contracts beginning in January 2013 and do not address the exclusion of domestic workers from other key labor protections in Singapore's Employment Act.

"The Singaporean government's recognition of a weekly rest day as a basic labor right will make the lives of migrant domestic workers better," said Nisha Varia, senior women's rights researcher at Human Rights Watch. "But this important reform should go into effect this year and apply to all domestic workers and their current contracts."

The announcement by Manpower Minister Tan Chuan-Jin said employers will be able to give a domestic worker monetary compensation in lieu of a rest day with the domestic worker's permission. Given the imbalance of power between employers and domestic workers, there is significant risk of abuse that employers may coerce workers to sign away their day of rest, Human Rights Watch said.

Families in Singapore employ approximately 206,000 foreign domestic workers, primarily from Indonesia, the Philippines, Sri Lanka, and India. Many of these workers labor long hours seven days a week, turn over several months of pay to settle charges imposed by employment agencies, and face restrictions on leaving the workplace even during their time off. "As Manpower Minister Tan noted in his speech to parliament, a day off is critical for a domestic worker's physical, mental, and emotional well-being," Varia said. "The government should close the monetary loophole and ensure that domestic workers will actually get at least a minimum number of rest days."



Singapore has introduced reforms in recent years to improve the conditions of foreign domestic workers, including mandatory orientation programs and stronger regulation of employment agencies. State prosecutors have also been increasingly vigilant in prosecuting employers responsible for physically abusing domestic workers, resulting in fines and prison terms.

However, Singapore's labor protections still lag behind those of other migrant-receiving countries, Human Rights Watch said. This includes Hong Kong, which covers domestic workers in its main labor laws. Singapore's protections also fall short of the standards set by the International Labor Organization's (ILO) Convention No. 189 on Decent Work for Domestic Workers, adopted in June 2011.

The ILO Convention establishes the first global standards for the estimated 50 million to 100 million domestic workers worldwide. Key elements of the convention require governments to provide domestic workers with labor protections equivalent to those of other workers, including for working hours, minimum wage coverage, overtime compensation, daily and weekly rest periods, social security, and maternity protection. Singapore was one of only nine countries that did not support adoption of the convention.

"Singapore's reforms are only a fraction of the change needed to protect women workers, who are too often undervalued and overworked," Varia said. "Singapore should join countries around the world that have recognized the injustice of discrimination against domestic workers and are making comprehensive reforms to guarantee them the same rights as other workers."

*Source : Human rights watch, March 6, 2012*